

TUGASAN PDPR SEJARAH

NAMA: _____

KELAS: 4 AL-FARABI

TARIKH: 26/11/2025 (RABU)

MASA: 7.50 – 8.50 PAGI

Jawab semua soalan.

1.1 Konsep Kedaulatan

1 Istilah berikut berkaitan dengan pengertian kedaulatan.

- Supernuus
- Superanus

Pengertian kedaulatan tersebut berdasarkan

- A Bahasa Arab
- B Bahasa Yunani
- C Bahasa Melayu
- D Bahasa Inggeris

2 Maklumat berikut berkaitan dengan pandangan sejarawan tentang kedaulatan.

Kuasa yang tidak terbatas dalam mentafsir undang-undang

Sejarawan yang manakah memberikan pandangan tersebut?

- A Aristotle
- B Jean Bodin
- C Ibn Khaldun
- D Tunku Abdul Rahman

3 Apakah yang dimaksudkan dengan kedaulatan antarabangsa?

- A Kerjasama pertahanan antara negara
- B Hubungan diplomatik dengan negara lain
- C Pengiktirafan oleh persatuan antarabangsa
- D Bantuan kemanusiaan kepada negara bergolak

1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

4 Apakah jawatan yang disandang oleh Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan Malaysia?

- A Ketua Menteri
- B Yamtuan Besar
- C Perdana Menteri
- D Ketua Utama Negara

5 Malaysia mempunyai dua bentuk pentadbiran, iaitu

- I Tiada Raja
- II Secara warisan
- III Demokrasi Berparlimen
- IV Raja Berperlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Sempadan ialah garis pemisah antara negeri atau sesebuah negara. Mengapakah penetapan sempadan merupakan elemen penting kepada negara kita?

- A Menjamin kebebasan asasi
- B Mengukuhkan kedudukan raja
- C Mengukuhkan kesetiaan rakyat
- D Memudahkan urusan pentadbiran

7 Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan mempunyai undang-undang dalam pemerintahan negara?

- I Sebagai panduan dalam pemerintahan
- II Memelihara kesejahteraan negara
- III Sebagai saluran rakyat bersuara
- IV Bukti perjanjian antara negara

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
D III dan IV
- 8 Apakah ciri-ciri rakyat dalam pemerintahan Malaysia?
- I Setia kepada pembesar
II Terdiri dari pelbagai kaum
III Penggunaan satu bahasa yang sama
IV Tempat tinggal diasingkan daripada kaum lain
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 9 Apakah peranan parlimen dalam pemerintahan negara kita?
- A Menyatukan bangsa
B Menjamin kemerdekaan mutlak
C Menggubal perundangan negara
D Memperuntukkan perbelanjaan negara
- 10 Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara kita. Sistem perundangan negara kita berpandukan kepada
- A Salasilah Melayu
B Undang-undang adat
C Keputusan mahkamah
D Perlembagaan Persekutuan

1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

11 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang membawa kepada keberkesanan sistem pentadbiran di negara kita.

- *Pembentukan Jemaah Menteri*
- *Pembentukan kementerian yang berkaitan*
- *Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri*
- *X*

Apakah X?

- A Peruntukan undang-undang
 - B Proses pilihan raya yang telus
 - C Jawatan Yang di-Pertuan Agong
 - D Penyertaan dalam pertubuhan antarabangsa
- 12 Se jauh manakah kedaulatan penting untuk kemakmuran ekonomi negara kita?
- A Melicinkan pentadbiran
 - B Meningkatkan taraf hidup
 - C Mengawal pengaruh kuasa luar
 - D Melahirkan generasi berintelektual
- 13 Bagaimanakah negara kita dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran untuk menjamin kesejahteraan sosial masyarakat?
- A Memenangi pertandingan peringkat antarabangsa
 - B Membuka lebih banyak peluang pekerjaan
 - C Menggalakkan aktiviti kemasyarakatan
 - D Menyediakan pendidikan
- 14 Kecemerlangan hubungan luar penting untuk mewujudkan negara Malaysia yang berdaulat. Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?
- A Menggubal dasar luar negara
 - B Menganjurkan sukan bertaraf dunia
 - C Melaksanakan pengasingan kuasa pentadbiran
 - D Menjalinkan hubungan erat dengan negara serantau

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

15 Apakah peranan pemerintah dalam mewujudkan kestabilan politik di negara kita?

- A Mematuhi undang-undang negara
- B Merangka program integrasi nasional
- C Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- D Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan

16 Sejak awal kemerdekaan, pemerintah dan rakyat berusaha untuk mengekalkan perpaduan kaum. Bagaimanakah usaha tersebut direalisasikan?

- I Menghayati prinsip Rukun Negara
- II Mengamalkan semangat perkongsian
- III Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
- IV Mengadakan latihan ketenteraan dengan negara lain

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Senarai berikut menunjukkan langkah-langkah kerajaan dalam mempertahankan kedaulatan.

- *Menyambut Hari Pahlawan*
- *Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan*
- *Mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras*

Mengapakah pihak kerajaan berbuat demikian?

- A Memupuk patriotisme rakyat
- B Mewujudkan kestabilan politik
- C Mengukuhkan institusi kekeluargaan
- D Memantapkan sistem pertahanan negara

- 18 Pertahanan negara penting untuk mengekalkan kedaulatan negara kita.
Apakah peranan rakyat untuk memastikan pertahanan negara dapat diperkukuhkan?
- I Menghargai tokoh pejuang
 - II Memodenkan aset ketenteraan
 - III Menganggotai pasukan sukarelawan
 - IV Mengelakkan kerjasama dengan pihak asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Kerjasama antara pemerintah dengan rakyat dalam melaksanakan langkah mengekalkan kedaulatan telah berjaya menghasilkan keamanan dan kesejahteraan. Bagaimanakah kejayaan tersebut dapat dicapai?
- A Kerjasama antara kaum
 - B Kebebasan rakyat dikawal
 - C Kekuatan sistem pertahanan
 - D Kewarganegaraan diperketat

TUGASAN TAMAT

Terima kasih atas kerjasama menjawab soalan-soalan yang diberikan.